



B-H 28/6/09 M/S 20

SEBAHAGIAN daripada 21 anggota tentera wanita yang akan menyertai misi pengaman ke Lubnan pada majlis penyerahan bendera dan pemakaian beret Malcon East 4 di Kem Batu 10 Kuantan, semalam.

'Orang dapur' layak di barisan tempur

Polisi ATM belum benar wanita di Kor Infantri tetapi mereka boleh lakukan jika berpeluang



WANITA boleh sertai mana-mana kor jika sanggup hadapi cabaran.

Oleh Ifwan Tun Tuah
ifwan@bharian.com.my

DULU wanita sering dilabel sebagai kaum yang lemah dan jarang diberi peluang menyertai kegiatan serta aktiviti lasak, apatah lagi bersama kaum lelaki mengangkat senjata berjuang di medan perang.

Malah, kata-kata sinis seperti wanita hanya layak berada di dapur seolah-olah sengaja dilemparkan kepada mereka bagi memperkecilkan peranan yang boleh disumbangkan kaum hawa ini.

Namun, seiring peredaran zaman, wanita membuktikan mereka mampu berdiri sama tinggi serta duduk sama rendah dengan lelaki dalam banyak perkara dan tidak terkecuali, bidang ketenteraan.

Bermula pada 1964, wanita

diberi peluang menyertai Tentera Darat Malaysia (TDM) dan sejak itu sedikit demi sedikit meraih kepercayaan pihak atasan untuk diberikan tugas dan tanggungjawab

“Kita pernah membuat projek perintis menyerapkan wanita dalam pasukan berkenaan tiga tahun lalu, namun mereka gagal melepasi”

**Muhammad Ismail
Jamaluddin**
Panglima Tentera Darat

lebih besar.

Jika dulu mereka hanya ditempatkan di bahagian sokongan tempur, kini sudah ada pegawai dan anggota wanita berjaya menempatkan diri dalam barisan hadapan iaitu Kor Armor Diraja.

Malah, Panglima Tentera Darat, Jeneral Tan Sri Muhammad Ismail Jamaluddin, berkeyakinan tinggi tentera wanita mampu pergi lebih jauh termasuk menempatkan diri di barisan tempur paling depan iaitu Kor Infantri.

Walaupun mengakui polisi ATM ketika ini tidak membenarkan tentera wanita turun ke medan tempur dalam Kor Infantri, beliau optimis mereka mampu melakukannya jika keadaan memerlukan.

Justeru, tidak hairan ketika merasmikan Seminar



MUHAMMAD ISMAIL dan Pengerusi Jawankuasa Hal Ehwal Wanita Tentera Darat, Brigdier Jeneral Dr Roshidah Ishak (kanan) bernesra dengan anggota ATM wanita selepas menyempurnakan Seminar Wanita Tentera Darat di Auditorium Mindef, semalam.



TAK gentar melakukan latihan lasak.

Wanita Tentera Darat (TD) di Wisma Pertahanan, di sini tidak lama dulu, beliau berjanji mempertingkatkan infrastruktur khusus untuk pegawai dan anggota wanita yang menyertai Kor Infantri pada masa depan.

Muhammad Ismail mengukui semua infrastruktur kor tempur itu disediakan khusus untuk pegawai dan anggota lelaki yang menjadi tunggak pasukan.

"Kita pernah membuat projek perintis menyerapkan wanita dalam pasukan berkenaan tiga tahun lalu, namun mereka gagal melepasi walaupun saya secara peribadi percaya wanita mampu melakukannya.

"Berikutan itu, kita hentikan sementara projek berkenaan. Bagaimanapun, kita akan cuba menyerapkan wanita mengikut keperluan dan pada masa sama menyediakan infrastruktur sesuai untuk mereka," katanya.


Muhammad Ismail berkata, pada masa ini, Kor Infantri yang menjadi barisan depan TD hanya dianggotai lelaki, namun pasukan tempur lain iaitu Kor Armor sudah mempunyai anggota wanita yang berkemampuan seperti lelaki.

Beliau juga berkata, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) khususnya TD memberi peluang untuk peningkatan kerjaya wanita dan sentiasa berusaha

memartabatkan serta mengiktiraf pembabitannya mereka dalam pasukan itu.

Katanya, pihaknya tidak menghalang pegawai dan anggota wanita menyertai mana-mana kor yang diminati asalkan mereka sanggup menghadapi cabaran.

"Kita memberi peluang sama rata, malah peluang menyertai misi pengaman di luar negara dan membuktikan kemampuan melakukan misi dalam persekitaran berbeza, setanding anggota lelaki," katanya.



KEMAMPUAN tentera wanita menumpaskan lawan dalam kegiatan pertahankan diri tidak dinafikan.